

# Pelajar Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi UMS perkenal produk inovatif kepada masyarakat

NST 13.12.2012 18

hawan ini, seramai 11 pelajar SPE-UMS yang mengambil mata pelajaran Keusahawanan telah memperkenalkan sebuah produk inovatif dan kreatif yang mampu mewujudkan satu kombinasi untuk masyarakat.

Baru-baru ini, Karnival Usahawan yang berlangsung di perkarangan kampus UMS, telah memperkenalkan produk berinovasi kepada para pelajar serta para penyarah yang lain sebagai penilai.

"Melalui produk berinovasi tersebut, kami sebagai pelajar usahawan telah menerokai dan memahami asas keusahawanan," kata salah seorang mereka, Ernest Gadion.

Semasa di alam persekolahan dahulu, (sekolah rendah dan menengah) kami kurang mendalami pembelajaran mengenai asas keusahawanan dan agak sukar mempraktikkannya sebagai satu perniagaan.

Tetapi, katanya apabila mereka memasuki dunia kampus, aktiviti dan pembelajaran dari bidang keusahawanan itu dapat membantu mereka untuk lebih berkari dan dapat memperhalusi kemahiran dalam apa juga bidang yang berkait rapat dengan perniagaan.

"Di samping bantuan dan nasihat oleh pensyarah kami yang juga Penasihat Usahawan dan seorang pakar usahawan dan pemasaran, Irwan Dahnil pemahaman kami mengenai bidang usahawan kini semakin meningkat.

Katanya, dalam penerangan tenaga pengajar kepada mereka, walau apa juga sebab yang mendorong seseorang itu untuk menceburi bidang keusahawanan, bakal usahawan mestilah seorang yang kreatif, inovatif, gigih dan cekal dalam mengharungi cabaran dunia perniagaan.

Selain daripada itu, mereka juga

mesti mempunyai sikap suka mengkaji diri sendiri, mahir berkomunikasi, berupaya menyesuaikan diri, suka mencuba sesuatu yang baru, mempunyai dorongan yang kuat serta tidak terlalu mementingkan keuntungan.

Ernest mewakili rakan-rakannya menerangkan mengenai kelebihan produk yang dihasilkan mereka yang pada mulanya merupakan baju hujan yang berfungsi sebagai pelindung badan daripada hujan, namun setelah diinovasikan, baju itu diubah menjadi beg yang boleh dipakai untuk mengelakkan barang seperti buku daripada basah, mudah dibawa dan menjimatkan kos perbelanjaan seperti membeli produk *payung* dan sebagainya.

"Setelah melalui proses perbincangan, kami sebulat suara untuk menghasilkan produk ini kerana rasanya masih sedikit malah jika ada pun, mungkin hanya di beberapa tempat sahaja yang ada menjual beg sedemikian," katanya yakin.

Menurutnya, sama seperti usahawan lain, mereka telah diajar untuk menjadi satu organisasi bagi mewujudkan syarikat serta produk yang berinovatif dan kreatif agar mampu bersaing dan meningkatkan tahap perniagaan ke pasaran dunia, selaras dengan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato Seri Najib Tun Razak.

"Menurut pemimpin kita, jika kita melihat di banyak kawasan perniagaan, berpuluh-puluh kedai menjual barangan yang hampir sama.

"Ini menyebabkan perniagaan kita tidak membawa kepada keuntungan yang menjadikan perniagaan lebih kukuh dan besar."

"Kami juga memahami erti persaingan serta tempat yang strategik bagi mewujudkan satu perusahaan yang menjamin peningkatan dalam usahawan.

Sebagai kesimpulannya, kumpulan ini bersetuju bahawa bidang keusahawanan adalah aktiviti yang mampu menjana pemikiran yang tinggi serta semangat juang yang kuat agar mampu menghasilkan produk yang belum pernah wujud di pasaran dan mampu menarik masyarakat untuk mengenali produk tersebut dan mahu memilikinya.



BINCANG .... Sesi perbincangan dalam kumpulan sebelum mengambil sesuatu keputusan bagi membincangkan jenis produk yang dihasilkan.

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY  
joanes@newsabahtimes.com.my

**BIDANG** keusahawanan merupakan salah satu cabang kerjaya yang menjanjikan peluang pekerjaan dan keuntungan yang amat lumayan.

Usahawan pula merupakan golongan yang mereka cipta dan



BAJU hujan diinovasikan menjadi dua fungsi di mana telah diubah menjadi beg dan dalam masa yang sama, boleh dipakai sebagai baju hujan.

membuat pembaharuan. berupaya untuk merealisasikan idea melalui proses tindakan dengan adanya bantuan modal, penumpuan masa dan juga kebolehan diri.


Pusat Pengajian Tinggi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), terletak di Jalan Sepanggar berhampiran pusat Hypermall 1Borneo turut menawarkan pelbagai bidang dalam pelbagai sekolah mengikut tawaran dan kursus yang diambil oleh pelajar.

Salah satu bidang yang ditawarkan kepada pelajar UMS adalah bidang keusahawanan dari Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi (SPE) yang mana amat diterapkan kepada seluruh masyarakat terutama sekali yang masih bergelar pelajar.

Ini kerana bidang keusahawanan mampu menjana pendapatan yang tinggi sekiranya dilakukan dengan pemahaman yang tinggi dan strategi yang memuaskan.

Kefahaman mengenai usahawan di samping semangat yang tinggi mampu membawa kepada keberhasilan sesuatu produk yang ingin dipasarkan.

Berkaitan dengan topik usa-



PRODUK ASAL ... Baju hujan.



ERNEST menunjukkan cara lipatan yang sesuai untuk menghasilkan produk tersebut.

'...tenaga pengajar kepada mereka, walau apa juga sebab yang mendorong seseorang itu untuk menceburi bidang keusahawanan, bakal usahawan mestilah seorang yang kreatif, inovatif, gigih dan cekal dalam mengharungi cabaran dunia perniagaan.